



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH JABATAN AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI KEDAH TAHUN 2021**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Sub Perenggan 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan Negeri. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang Di-Pertua Negeri bagi negeri itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.
2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2022. LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah pada 13 Mac 2023 (Isnin).

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021**

#### **3.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

- i. Pengauditan yang dijalankan mendapati penyata kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan penegasan perkara seperti berikut:
  - Pada 31 Disember 2021, Pelaburan Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM230.89 juta terdiri daripada Deposit Dalam Negeri berjumlah RM214.30 juta dan Pelaburan Saham berjumlah RM16.59 juta. Termasuk dalam baki Deposit Dalam Negeri merupakan pelaburan Unit Amanah Saham berjumlah RM50 juta. Berdasarkan Perenggan 6.2.5, Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 6, Unit Amanah Saham tidak termasuk dalam jenis pelaburan yang disenaraikan.
- ii. Selain itu, tiga perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-hal Lain iaitu:
  - Kerajaan negeri hendaklah memastikan peruntukan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri diuruskan dan digunakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

- Pungutan diperakaunkan dengan lebih teratur supaya baki Wang Tunai dan Hasil yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat. Tindakan penyesuaian dan pelarasan perlu dibuat dengan segera terhadap *unreconciled items* yang telah dikenal pasti dalam Penyata Penyesuaian Bank.
- Meningkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan pembayaran yang menjadi punca utama peningkatan bayaran di bawah AP 58(a).

### **3.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- i. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM140.50 juta berbanding RM357.08 juta pada tahun 2020.
  - ii. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM52.68 juta berbanding kurangan berjumlah RM54.42 juta pada akhir tahun 2020. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM127.38 juta (22.7%) menjadi RM688.04 juta berbanding RM560.66 juta pada tahun 2020.
  - iii. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan kurangan keseluruhan berjumlah RM87.28 juta berbanding kurangan keseluruhan RM175.86 juta pada tahun 2020.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan

serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Sebanyak tujuh syor telah dicadangkan dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021.

5. LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah pada 13 Mac 2023. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <https://www.audit.gov.my> mulai 13 Mac 2023 selepas jam 10.05 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Jabatan Audit Negara

13 Mac 2023

20 Syaaban 1444H